



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	12/7/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	TNB			

Lebih 1,900 terima manfaat Tabung WTP

Kosmo, 12 Jul
2021_12

PETALING JAYA – Warga Tenaga Nasional Bhd. (TNB) membantu lebih 1,900 fakir miskin, asnaf, ibu tunggal, orang kelainan upaya dan mereka yang kehilangan sumber pendapatan di seluruh Semenanjung menerusi Tabung Warga TNB Prihatin (WTP).

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, sumbangan bernilai lebih RM1.13 juta itu adalah hasil daripada kutipan WTP yang telah mencecah RM1.57 juta selepas dilancarkan pada 9 Jun lalu.

“Usaha murni warga kerja TNB ini mencerminkan pengertian mendalam mereka dalam aspek nilai keprihatinan selain menyokong program tanggungjawab sosial korporat syarikat bagi membaritu komuniti sekitar.


“Semangat berkongsi rezeki ini diperlukan dari semua pihak

dalam suasana wabak yang masih belum reda kerana semakin ramai memerlukan bantuan akibat pandemik Covid-19 yang berterusan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mahdzir berkata, terdapat banyak cawangan persatuan dan kelab lain dalam TNB yang telah tampil memberikan sumbangan kepada komuniti serta masyarakat yang memerlukan.

“Sebagai contoh, Persatuan Kebajikan Pekerja Islam TNB, Persatuan Wanita TNB (Pelitawani TNB) dan Kelab Kilat TNB telah menyerahkan bungkusan makanan bernilai lebih RM320,000.

“Di peringkat cawangan pula, warga kerja TNB Kluang, Johor telah menyalurkan kira-kira 376 bungkusan barangan keperluan menerusi projek Gerobok Rezeki Staf TNB Kluang,” ujarnya.



PENDUDUK sekitar pejabat TNB Kluang beratur mendapatkan bantuan sumbangan warga TNB menerusi projek Gerobok Rezeki baru-baru ini.